

28/11/1998

Kerajaan BN perlu dipertahan

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan pentingnya kerajaan Barisan Nasional (BN) dipertahankan bagi menjamin kesinambungan agenda pembangunan, sekali gus membolehkannya mengembalikan kegemilangan yang dikikis pembangkang sebelum ini.

Sambil menegaskan BN adalah pertubuhan parti politik terbaik kerana sistemnya bersandarkan pemuafakatan, Perdana Menteri mahu semua parti komponen mengutamakan perjuangan, bukannya individu atau diri sendiri.

"Kita harus ingat yang bertanding ialah BN, bukan parti komponen. Disebabkan kita dalam BN, kita mesti sokong siapa saja calon BN," katanya berucap kepada kira-kira 5,000 hadirin di Perhimpunan Pemuda BN, di Kompleks Sukan Likas, petang ini.

Hadir sama ialah Pengerusi BN Sabah, Tan Sri Bernard Dompok; Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat dan Pemangku Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Terdahulu ketibaan Perdana Menteri di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu pada jam 10.35 pagi, disambut oleh Dompok dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam serta beberapa pemimpin komponen BN negeri.

Pemimpin dan ahli parti komponen BN turut menyambut ketibaan beliau sambil mengibarkan Jalur Gemilang serta pelbagai sepanduk menyokong kepemimpinan Perdana Menteri.

Sejurus tiba, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan anggota Kabinet negeri, kemudian bersolat Jumaat di Masjid Negeri, disusuli pertemuan dengan ketua-ketua agama.

Dalam ucapan selama kira-kira sejam itu, Dr Mahathir menjelaskan secara panjang lebar pentingnya parti komponen BN memainkan fungsi utama bagi menentukan kemenangan dalam pilihan raya akan datang.

Menurutnya, kemenangan BN dalam pilihan raya negeri akan datang begitu penting kerana ia menjadi ukuran kepada BN secara keseluruhan.

Beliau turut mengingatkan pentingnya setiap pemimpin memahami erti dan matlamat perjuangan dalam politik.

Sambil menasihatkan pemimpin mengetepikan kepentingan peribadi dalam agenda perjuangan politik, Dr Mahathir berkata BN perlu dipertahankan kerana ia membawa kemajuan untuk rakyat dan negeri.

"Kita perlu sokongan semua parti komponen. Sebab itu kita harus, walaupun tiada calon kita bertanding, memberi sokongan kepada mana-mana calon yang bertanding atas nama BN.

"Apabila kita bertanding, jangan soal siapa yang jadi calon. Jangan soal parti mana yang memperolehi calon banyak atau kurang. Kita harus ingat yang bertanding ialah BN, bukan parti komponen.

"Disebabkan kita dari BN, kita hendaklah sokong siapa saja menjadi calon BN. Ingatlah dalam politik yang penting bukan kita.

"Yang penting ialah parti kita menjadi kerajaan dan pemerintah," katanya sambil menambah, tidak ada guna calon menang jika parti kalah.

Dalam konteks Sabah, Perdana Menteri berkata, pertukaran kerajaan yang kerap berlaku sebelum ini menyebabkan kemunduran kepada rakyat dan negeri akibat sikap pemimpin yang mementingkan diri sendiri.

"Pertukaran kerajaan berlaku disebabkan ramai yang menyertai politik tidak faham tujuan menyertai gerakan politik.

"Dulu ada berpendapat mereka yang menyertai politik mahu mengaut kekayaan untuk diri sendiri. Ini menyebabkan ramai berebut menyertai

politik, akhirnya Sabah rosak," katanya.

Beliau kesal apabila PBS memerintah Sabah sebelum ini, segala kekayaan negeri habis dibolot dan dihapuskan sama-sekali.

Bagaimanapun, katanya, BN komited memajukan Sabah dan berazam menjadikannya menjadi negeri terunggul pada masa hadapan.

Malam ini, Dr Mahathir menghadiri Jamuan Pemimpin Bersama Rakyat di sebuah hotel di sini.

(END)